

AKTA MEMPERBAHARUI UNDANG-UNDANG (~~PERKAHWINAN DAN~~ PERCERAIAN) 1976

Kursus Sosio-perundangan,
Hospital Universiti Sains Malaysia, Kota
Bharu, Kelantan,
25 Ogos 2008.

**NORAINI MD HASHIM
KULIYYAH UNDANG-UNDANG AHMAD
IBRAHIM, UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA MALAYSIA**

UNDANG2 KELUARGA BUKAN ISLAM



UNDANG-UNDANG KELUARGA

- Undang-undang keluarga merujuk kepada satu sistem undang-undang yang mengendalikan institusi keluarga dan soal-soal yang berhubung dengan kekeluargaan

UNDANG-UNDANG KELUARGA

- Undang-undang keluarga sering dikaitkan dengan undang-undang harta dan perwarisan.
- Undang-undang keluarga mempunyai perkaitan dengan status-personal, dan ia juga berkongsi dengan bidang lain seperti undang-undang jenayah
- (sebagai contoh: keganasan dalam keluarga. Pesalah akan didakwa menurut peruntukan dalam Kanun Keseksaan dan Akta Keganasan Rumahtangga 1994).

UNDANG-UNDANG KELUARGA

- Undang-undang keluarga
kebiasaannya merangkumi undang-undang dan dasar berkaitan keluarga spt:
 - ✓ undang-undang berkaitan perkahwinan dan perceraian,
 - ✓ nafkah isteri dan anak,
 - ✓ tuntutan harta,
 - ✓ hak penjagaan anak,
 - ✓ jenayah rumahtangga
 - ✓ dan penderaan kanak-kanak.

Fungsi Undang-undang Keluarga

- 1-Definisi dan perubahan status
- 2-Penyelesaian konflik/masalah
- 3-Perlindungan
- 4-Pembahagian Harta

Undang-undang Keluarga Bukan Islam di Malaysia

- ❑ Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 - AMU 1976
- ❑ Berkuatkuasa pada 1 Mac 1982.
- ❑ Terpakai bagi Bukan Islam
- ❑ Berdomisil di Malaysia

LATARBELAKANG AMU 1976

- ❑ Sebelum kedatangan AMU terdapat pelbagai undang-undang bertulis dan adat berkaitan undang-undang keluarga disebabkan kepelbagaian kaum yang ada.
- ❑ Kesannya, timbul kesulitan untuk mengadili masalah yang timbul.

□ YDP Agung telah melantik Suruhanjaya Diraja mengenai undang2 perkahwinan dan perceraian bagi:

1. Mengkaji undang2 perkahwinan & perceraian sedia ada (bagi bukan Islam) dan memastikan pembaharuan seiring dengan resolusi Perhimpunan Bangsa2 Bersatu perkaitan keizinan berkahwin, umur minima berkahwin dan pendaftaran perkawinan.

2. Mempertimbangkan pandangan daripada mana2 kaum atau golongan pelbagai agama yang akan terbabit dengan perubahan dan pembaharuan undang2 perkahwinan dan perceraian sedia ada, dan menyediakan dan melapurkan kepada kerajaan, dan mencadangkan pembaharuan sekiranya ada terhadap pembaharuan terhadap undang2 tersebut.

APAKAH RESOLUSI PBB BERKENAAN KEIZINAN BERKAHWIN, UMUR MINIMA DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

Artikel 16 Deklarasi Bersatu Hak Kemanusiaan

1. Keizinan berkahwin

Bagi mereka di bawah umur terutamanya perempuan mesti mendapat keizinan ibu bapa/ penjaga.

2. Umur minima

Menetapkan umur minima

3. Pendaftaran perkahwinan

Setiap perkahwinan mesti diupacarakan oleh pihak berkuasa dan disaksikan oleh 2 orang saksi.
Perkahwinan juga mesti didaftarkan oleh pihak berkuasa didalam daftar perkahwinan

TEMA AMU 1976

1. Memperkenalkan satu undang2 perkahwinan monogami yang standard terpakai bagi semua bukan Islam
2. Umur minima perkahwinan
3. Pengupacaraan perkahwinan sivil diikuti oleh perkahwinan istiadat agama, adat dan kelaziman.
4. Pendaftaran perkahwinan
5. Proses perceraian yang standard dan dipermudahkan serta tuntutan2 selepas perceraian.

PEMAKAIAN (Seksyen 3 AMU)

- Terpakai hanya kepada semua orang bukan Islam dalam Malaysia dan tinggal di luar Malaysia tetapi masih berdomisil di Malaysia.
- Akta ini tidak terpakai kepada bumiputera Sabah atau Sarawak atau orang Asli Malaysia. Mereka tertakluk kepada undang-undang atau adat bumiputera kecuali mereka membuat pilihan untuk berkahwin menurut AMU.

PEMAKAIAN (sambungan)

□ Domisil

Konsep penting dalam menentukan undang-undang negara manakah yang terpakai apabila soal status seseorang individu dibangkitkan di mahkamah.

Ia adalah tempat tinggal dan niat untuk tinggal tetap di suatu tempat.

- Oleh yang demikian, sekiranya A dilahirkan di Malaysia, dia akan diandaikan berdomisil di Malaysia walaupun kemudian bermastautin di luar negara. Domisil A boleh bertukar kepada domisil negara lain dengan syarat-syarat tertentu.

BAHAGIAN-BAHAGIAN AMU 1976

a. Bahagian 1: Permulaan

b. Bahagian 2: Perkahwinan monogami

c. Bahagian 3: Syarat perkahwinan, pengupacaraan perkahwinan dll.

d. Bahagian 4: Pendaftaran

e. Bahagian 5: Penalti

f. Bahagian 6: Perceraian

g. Bahagian 7: Perkara berkaitan perkahwinan:
Nafkah suami isteri

h. Bahagian 8: Perlindungan bagi anak-anak

i. Bahagian 9: Pelbagai

PERKAHWINAN BUKAN ISLAM



PERKAHWINAN BUKAN ISLAM

Secara Umum

- Satu perjanjian di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan.
- Diakui sah oleh agama, adat resam dan undang-undang.
- Melibatkan hak dan tanggungjawab ke atas anak-anak yang bakal lahir

Kes Hyde v Hyde

-Perkahwinan sivil mengikut AMU adalah berdasar definasi perkahwinan menurut kes di atas iaitu;

“Penyatuan secara sukarela untuk seumur hidup di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan dengan mengecualikan semua yang lain.”

-Oleh itu, peruntukkan perkahwinan monogami dan pengupacaraan yang diperuntukkan di dalam Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 terdiri daripada:

1.Sukarela

2.Untuk seumur hidup

3.Berlainan jantina -hetroseksual

4.Monogami

STATUS PERKAHWINAN SEBELUM KEDATANGAN AMU 1976

SEKSYEN 4(1),(2)

- Perkahwinan yang berlaku sebelum AMU di kuatkuasakan (1/3/1982) adalah sah mengikut undang-undang jika sekiranya perkahwinan itu sah mengikut undang-undang, adat serta kelaziman.
- Kes *Sabrina Loo Cheng Suan vs Eugene Khoo Oon Jin* [1995] CLJ 875. Perkahwinan kedua mengikut adat Cina, sedangkan perkahwinan pertama masih wujud. Perkahwinan pertama dengan Dorothy Khoo sebelum perkahwinan kedua berlaku pada 1973 (sebelum AMU dikuatkuasakan). Maka perkahwinan plaintif dengan defendan adalah sah mengikut seksyen 4(1) dan (2) AMU 1976). Kes ini diputuskan sah oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

SYARAT PERKAHWINAN AMU 1976

1. Umur minima.

Mengikut s.10, kedua pihak hendaklah berumur 18 tahun pada hari perkahwinan. Perempuan yang berumur kurang 18 tahun tetapi telah mencapai 16 tahun boleh berkahwin dengan membuat permohonan kepada Ketua Menteri untuk mengeluarkan satu lesen bawah di bawah peruntukkan (seksyen 21(2)AMU 1976).

2. Perhubungan persaudaraan yang dihalang kecuali seorang Hindu (seksyen 11 AMU 1976).

3. Kebenaran dan persetujuan

a. Keizinan ibubapa/penjaga (seksyen 12 AMU 1976).

b. Kerelaan bebas pasangan (seksyen 22(6) AMU 1976).

4. Lelaki dan Perempuan (seksyen 69 (d): Corbett v Corbett, Jessie Chung & Joshua Beh Soo Kiang

5. Status Perkahwinan-monogami (seksyen 5,6,7)

PEMBATALAN PERKAHWINAN

Pembatalan berlaku akibat perkahwinan dianggap sebagai:

(a) perkahwinan batal (*void marriage*)-S69

(b) perkahwinan boleh batal (*voidable marriage*).-S70

PERKAHWINAN BATAL

- ❑ Perkahwinan batal dianggap tidak wujud sejak pengupacaraan lagi.
- ❑ Keputusan membatalkan perkahwinan boleh dibuat ketika pengupacaraan.
- ❑ Kesahan perkahwinan ini boleh dicabar sewaktu pasangan masih hidup atau setelah mati.
- ❑ Pihak lain boleh mencabar kesahan perkahwinan tersebut

PERKAHWINAN BOLEH BATAL

- ❑ Perkahwinan boleh batal pula wujud dan sah sehinggalah mahkamah membatalkannya.
- ❑ Keputusan membatalkan perkahwinan ini hanya boleh dibuat jika selepas pengupacaraan berlaku sesuatu yang boleh membatalkan perkahwinan itu.
- ❑ Kesahan perkahwinan hanya boleh dicabar ketika pasangan masih hidup.
- ❑ Hanya pasangan kepada perkahwinan yang boleh mencabar kesahan perkahwinan itu.

PEMBUBARAN PERKAHWINAN DI BAWAH AMU 1976



KONSEP PERCERAIAN BUKAN ISLAM

Undang-undang perceraian perlulah bertujuan mengukuhkan daripada melemahkan atau mengancam kestabilan sesuatu perkahwinan. Satu pembaharuan mesti dibuat terhadap undang-undang untuk membolehkan “kulit yang tidak berisi dan yang kosong (perkahwinan)(the empty legal shell) dimusnahkan dengan keadilan yang maksimum dan seterusnya meminimumkan kepahitan, penderitaan dan kehinaan yang ditanggung”.

BIDANGKUASA MAHKAMAH


Syarat-syarat:

1. Perkahwinan didaftar atau disifat didaftarkan.
2. Perkahwinan dijangkakan monogami.
3. Kedua-duanya berdomisil di Malaysia pada masa petisyen perceraian.
4. Dilarang memohon perceraian sebelum tamat tempoh 2 tahun dari tarikh perkahwinan.

BENTUK PEMBUBARAN PERKAHWINAN

- Dengan persetujuan bersama
- Akibat kepecahbelahan perkahwinan
- Akibat pertukaran agama
- Anggapan kematian pasangan

PETA MINDA
[MEMAHAMI AMU 1976]



PERTUKARAN AGAMA (S51)

- **Suami atau isteri yang tidak memeluk agama Islam ~~dibenarkan untuk mengemukakan~~ petisyen perceraian selepas tiga bulan dari tarikh salah satu pihak memeluk Islam.**
- **Seksyen 51 (1) AMU 1976 menegaskan bahawa pihak yang satu lagi iaitu yang tidak memeluk Islam boleh mempetisyen perceraian. Pihak yang memeluk agama Islam tidak boleh mempetisyen di bawah AMU kerana sekatan dalam seksyen 3(3) AMU 1976).**
- **Pembubaran perkahwinan di bawah seksyen 51(2), boleh memperuntukkan terhadap nafkah dan syarat-syarat tambahan yang dirasakan perlu [seksyen 51(2)].**
- **Seksyen 3 (3): AMU tidak terpakai kepada orang Islam tetapi boleh gunakan seksyen 51 untuk mendapat manfaat. Oleh itu pihak yang tidak memeluk Islam harus meminta cerai menurut peruntukkan seksyen 51 ~~bagi membolehkannya membuat permohonan nafkah, penjaminan dan pemeliharaan~~**

PEMBUBARAN PERSETUJUAN BERSAMA (seksyen 52 AMU)

- ❑ Kedua-dua bersetuju bercerai, selepas cukup 2 tahun dr tarikh perkahwinan
- ❑ di bawah satu petisyen bersama
- ❑ Membuat peruntukan sepatutnya utk isteri berkenaan nafkah, pemeliharaan dan penjagaan anak-anak

KEPECAHBELAHAN PERKAHWINAN: S53/54

- **Perpisahan di antara suami dengan isteri yang di iktiraf oleh undang-undang yang membolehkan seseorang bekas suami atau isteri berkahwin lain.**
- **Terdapat empat alasan untuk pasangan suami isteri menuntut perceraian di mahkamah sivil:**
 - **Seksyen 54(1) (a): penzinaan.**
 - **Seksyen 54(1) (b): isu tingkahlaku yang tidak sealiran atau berlaku keganasan kepada pihak-pihak tertentu.**
 - **Seksyen 54(1) (c): peninggalan langsung selama 2 tahun. Terdapat empat elemen mesti ada sebelum peninggalan langsung boleh dibuktikan:**
 - *Perpisahan sebenar di antara kedua pihak.*
 - *Niat untuk tinggal berasingan*
 - *Tanpa persetujuan pihak yang di tinggalkan*
 - *Tiada sebab yang munasabah yang membolehkan satu pihak meninggalkan satu pihak yang lain.*
 - **Seksyen 54(1) (d): tinggal Berasingan.**

PERPISAHAN KEHAKIMAN (s64)

- ❑ **Perpisahan Kehakiman (Seksyen 64- AMU 1976)**
- ❑ Perpisahan kehakiman merupakan suatu perintah yang dibuat oleh mahkamah melalui satu dekri wajipan terhadap pasangan suami isteri supaya berpisah atau menamatkan hubungan sebagai suami isteri seperti mana yang telah dijelaskan dalam s.64(2).
- ❑ Dekri ini membenarkan pasangan suami isteri tinggal berasingan di antara satu sama lain dan tiada kewajipan sebagai suami isteri.

HAK SEMASA PERKAHWINAN

1. Nafkah isteri

Nafkah anak-anak

1.NAFKAH ISTERI

Seksyen 77(1) Perintah mahkamah supaya suami memberi nafkah pada isteri.

Seksyen 77 (2) Mahkamah juga boleh memerintah isteri supaya memberi nafkah pada suami sekiranya suami, tiada upaya kesemuanya atau separa disebabkan oleh kebencanaan otak/jasmani atau tidak sihat, sekiranya kemampuan isteri munasabah bagi mahkamah memerintahkannya.

2.NAFKAH ANAK-ANAK

S93(1) Perintah mahkamah pada bila-bila masa ~~memerintah ayah membayar nafkah kepada anak-anaknya.~~

S93(2) Sekiranya kemampuan ibu munasabah, mahkamah juga boleh memerintahkannya membayar nafkah anak-anak.

S93(3) Mahkamah juga boleh mengarah bapa atau ibu membuat pembayaran kepada orang yang menjaga/ memelihara/mengawal anak² atau pemegang amanah anak-anak itu

TUNTUTAN SELEPAS PERCERAIAN

1. Nafkah isteri
 2. Harta sepencarian
 3. Nafkah anak-anak
 4. Hak penjagaan anak-anak
-

1.NAFKAH ISTERI SELEPAS PERCERAIAN

S77- Bidangkuasa mahkamah perintah nafkah utk bekas isteri

S78-Pentaksiran nafkah

...terutamanya berdasarkan kemampuan dan keperluan pihak2 dgn tidak mengira dgn kadar pendapatan pemberi nafkah.

S79-Cagaran nafkah

S81-Lama (duration) perintah nafkah

- (a) Kalau tidak bercagar, apabila suami atau isteri mati, mengikut mana lebih awal
- (b) Kalau bercagar, apabila mati suami isteri yang mana perintah itu telah dibuat

S82 Hak nafkah terhenti apabila:

(a) Berkahwin lain atau

(b) Berzina

S83 Kuasa mahkamah mengubah perintah mahkamah:

Boleh pada bila-bila masa dan dari masa kesemasa **mengubah** atau **membatalkan** atas permohonan **orang yang untuknya** atau **terhadapnya perintah dibuat...jika** mahkamah berpuashati perintah dibuat diatas **salah pernyataan** atau **kekhilafan fakta** atau **perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan**

S83 Kuasa mahkamah mengubah perjanjian nafkah

S85-Nafkah diperintah tidak boleh dipindah ke tangan lain

S86-Tunggakan nafkah

Tidak boleh dituntut jika ianya terakru lebih dari 3 tahun sebelum guaman dimulakan

HARTA SEPENCARIAN (MATRIMONIAL PROPERTY)

S76(1)(2): Pembahagian harta diperolehi semasa perkahwinan dengan **usana bersama**, dengan melihat kpd:

- a. sumbangan setiap pihak dlm bentuk wang, harta dan kerja
- b. Apa-apa hutang yang terhutang
- c. Keperluan anak2 belum dewasa

Dan di atas pertimbangan tersebut, mahkamah memihak kepada pembahagian sama rata

S76(3),(4):Pembahagian harta diperolehi semasa perkahwinan dengan **usaha tunggal**, dengan melihat kpd:

- a.** ~~Sumbangan diberi pihak yang satu lagi yang~~ tidak memperolehi aset itu terhadap kebajikan keluarga dengan menjaga rumahtangga atau memelihara keluarga:
- b.** keperluan2 anak2 belum dewasa

Dan di atas pertimbangan tersebut, mahkamah akan membahagikan aset itu atau hasil jualannya mengikut kadar yang difikirkan munasabah oleh mahkamah tetapi pihak yang memperolehi aset akan mendapat kadar yang lebih besar.

S76(5): Aset termasuklah juga aset ~~yang diperolehi sebelum~~ perkahwinan oleh satu pihak dan dimajukan oleh pihak satu lagi semasa perkahwinan

HAK PENJAGAAN ANAK2 SELEPAS PERCERAIAN

S87: Mendefiniskan anak sebagai anak dari ~~perkahwinan iaitu seseorang di bawah 18tahun~~

S2:Anak termasuklah:

- anak kpd kedua-dua pihak yang berkahwin atau
- anak kpd satu pihak yang berkahwin dan diterima oleh ahli keluarga pihak yg satu lagi termasuklah juga,
- anak taksah taraf(illegitimate) oleh pihak yg satu lagi dan
- anak angkat yang diambil secara sah melalui undang2 bertulis oleh pihak yang satu lagi

PERINTAH MAHKAMAH BERKENAAN PENJAGAAN

S88(1): Mahkamah pd bila2 masa boleh memerintahkan penjagaan kpd ibu atau bapa, kecuali sekiranya berlaku keadaan yang tidak diingini, kepada saudara lain anak itu atau sesuatu persatuan yang antara tujuannya untuk kebajikan kanak2 atau kpd mana2 orang lain yang sesuai.

S88(2):Keutamaan pertimbangan bagi penjagaan adalah **kebajikan** anak2 itu dan mahkamah hendak merujuk kpd:

a-kemahuan ibubapa anak itu

b-kemahuan anak itu sekira umurnya boleh menyatakan pendapat sendiri.

S88(3):Rebuttable presumption, **anak2 dibawah 7tahun adalah lebih baik bersama ibunya.**

NAFKAH ANAK2 SELEPAS PERCERAIAN

S92: Adalah kewajipan ibubapa menanggung/memberi nafkah anak2 samada dlm jagaannya atau jagaan orang lain, samada dgn menyediakan tempat tinggal, pakaian, makanan dan pelajaran yg munasabah bdasarkan kemampuannya.

S93(1) Perintah mahkamah pada bila-bila masa memerintah ayah membayar nafkah kepada anak-anaknya.

S93(2) Sekiranya kemampuan ibu munasabah, mahkamah juga boleh memerintahkannya membayar nafkah anak-anak.

S93(3) Mahkamah juga boleh mengarah bapa atau ibu membuat pembayaran kepada orang yang menjaga/ memelihara/mengawal anak2 atau pemegang amanah anak-anak itu

S95 Lama perintah nafkah dan penjagaan, tamat ketika mencapai 18 tahun atau jika anak hilang upaya jasmani atau akal, hinggalah anak itu tidak lagi berada dlm keadaan hilang upaya mengikut mana yang terkemudian

S96,S97: Kuasa mahkamah perintah atau perjanjian nafkah dan penjagaan.

S98: Tuntutan tunggakan nafkah

S99: Kewajipan menanggung nafkah anak yang diterima sebagai ahli keluarga